

15 OCT 2003

OIC-rangkuman

PEMIMPIN-PEMIMPIN NEGARA ISLAM GESA PENYATUAN EKONOMI

Oleh: Shakir Husain

PUTRAJAYA, 15 Okt (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin negara Islam hari ini menggesa supaya diwujudkan hubungan yang lebih rapat dalam bidang ekonomi di kalangan negara-negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), dengan meminta sektor swasta memainkan peranan lebih besar dalam mengukuhkan perdagangan dan pelaburan antara negara-negara Islam.

Negara-negara OIC perlu lebih banyak belajar daripada negara-negara anggota antara satu sama lain dan menyediakan iklim mesra perniagaan untuk mencapai peringkat lebih tinggi dalam pembangunan ekonomi, kata para pemimpin terbabit dalam forum perniagaan menjelang sidang kemuncak OIC ke-10 di sini.

Penceramah forum yang dianjurkan sempena sidang kemuncak itu mengambil giliran untuk mengemukakan mesej bahawa negara Islam harus membangun dari segi ekonomi sekiranya mereka ingin mencapai kemajuan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencadangkan bahawa umat Islam harus wujudkan sekolah-sekolah perniagaan di mana amalan ekonomi Islam terbaik boleh dibangunkan, dipupuk, dan kemudiannya digalakkan secara global untuk "memberi kaliber dan kejayaan" kepada perniagaan Islam.

"Ada keperluan kepada sekolah-sekolah perniagaan Islam, di mana etika perniagaan Islam dibangunkan, dikembangkan dan diajar secara sistematik. Kita perlu tahu apa yang betul dan apa yang salah dalam mengurus niaga sebagai Islam.

"Kita perlu wujudkan standard tertentu," kata Dr Mahathir kepada Forum Perniagaan OIC yang dianjurkan oleh Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI).

Perdana Menteri berkata kemudian, (barulah) amalan perniagaan Islam boleh dipropagandakan secara global.

"Sebagaimana hari ini, kita pergi ke sekolah-sekolah perniagaan yang hebat di barat, akan tiba satu hari nanti apabila sekolah-sekolah perniagaan Islam akan berjaya menarik minat pelajar-pelajar dari serata dunia," kata Dr Mahathir dalam ucaptamanya.

Menjawab satu soalan selepas berucap, Perdana Menteri berkata idea menggunakan dinar emas dalam perdagangan antarabangsa boleh dilaksanakan walaupun hanya dua negara menerimanya.

Persetujuan daripada semua 57 negara-negara anggota OIC tidak diperlukan bagi melaksanakan rancangan itu, Dr Mahathir berkata: "Kita tidak boleh tunggu. Walau hanya dua daripada kita (bersetuju), kita boleh teruskan. Kalau kita dapat 10, jumlah itu sudah cukup besar."

Presiden Pakistan, Pervez Musharraf menggesa negara-negara anggota OIC supaya menggunakan dasar pro-pasaran untuk menggalakkan perdagangan dan pelaburan antara negara-negara Islam.

"Jika kita ingin menarik pelabur-pelabur OIC, cara terbaik melakukannya adalah dengan berusaha menjadi lebih menarik kepada semua pelabur," katanya.

Beliau berkata beberapa negara-negara OIC seperti Malaysia "telah menunjukkan perolehan yang jelas" dengan melaksanakan dasar mesra perniagaan.

Musharraf berkata dengan satu perlima daripada keluasan tanah dunia, 70 peratus sumber tenaga dan 40 peratus eksport bahan mentah dunia, OIC sebagai sebuah kumpulan, telah gagal menterjemah sumber manusia dan fizikalnya kepada pencapaian ekonomi.

"KDNK ummah hanya kira-kira US\$1,400 bilion sedangkan Jepun sahaja

berjumlah US\$4,500 bilion. KDNK negara Islam yang paling besar ialah US\$185 bilion sedangkan sebuah negara Eropah yang kecil tanpa sumber asli mencapai jumlah melebihi US\$200 bilion. Perbezaan ini disebabkan kelebihan sumber manusia dan teknologi yang dimiliki mereka," kata Musharraf.

Beliau berkata jurang pendapatan di kalangan negara OIC juga begitu ketara dengan enam negara menguasai separuh daripada pendapatan OIC manakala 51 yang lain menghasilkan "pendapatan hanya US\$600 bilion".

Presiden Bosnia Sulejman Tihic merayu pelaburan dari OIC bagi membantu pembangunan ekonomi negaranya.

Beliau berkata Bosnia begitu berminat dengan pelaburan dari Malaysia bagi pembinaan rangkaian lebuhraya dan jalan.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Setiausaha Agung OIC Abdelouahed Belkeziz, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Presiden Sudan Omar Hassan Al Bashir turut berucap pada majlis itu.

Bashir yang memberi contoh pelaburan syarikat minyak Malaysia, Petronas, dalam sektor minyak dan gas di negaranya, berkata iklim pelaburan di Sudan kondusif kepada pelaburan asing.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah menggesa syarikat-syarikat swasta dalam negara-negara OIC untuk mewujudkan kerjasama rapat.

Forum dua hari itu turut mendengar gesaan supaya menjadikan majlis perniagaan itu sebagai majlis kekal setiap sidang kemuncak OIC.

Sementara tumpuan terus diberikan kepada perniagaan, isu-isu politik terus menarik banyak perhatian kalangan pemimpin OIC hari ini.

Majlis Pemerintahan Iraq yang dikuasai oleh Amerika berkata tentera pengaman dari negara-negara Islam tidak dialu-alukan di Iraq.

"Kami mampu mengekalkan keamanan dan keselamatan dalam negara sendiri," kata ketua Majlis Ayad Allawi kepada pemberita di sini.

Iraq akan menjadi isu utama yang akan dibincangkan apabila pemimpin-pemimpin sidang kemuncak bermula esok.

OIC dijangka akan mengutuk keras keganasan Israel di Palestin serta ancaman keatas Syria.

Arab Saudi hari ini menjadi negara terbaru yang secara terbuka menyokong penstrukturan semula OIC yang beribu pejabat di Jeddah, yang dikritik kerana kekurangan tindakan yang dihadapi oleh umat Islam.

-- BERNAMA

SKH MKO AZH